

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 1

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Semua murid telah diberi peringatan keras agar tidak merosakkan harta benda sekolah.
 (1) ajakan (2) ajaran ()
 (3) amalan (4) amaran ()
- 2 Pengedar dadah itu akan dibawa ke tempat kes-kes jenayah dibicarakan untuk menerima hukuman.
 (1) hakim (2) mahkamah ()
 (3) majistret (4) peguam ()
- 3 Antara tugas-tugas saya adalah menjirus air pada pokok-pokok bunga setiap pagi Sabtu dan Ahad.
 (1) menyimbah (2) menyiram ()
 (3) merendam (4) merenjis ()
- 4 Beberapa buah kapal dagangan telah diserang perompak-perompak laut di Selat Melaka.
 (1) lanun-lanun (2) nakhoda-nakhoda ()
 (3) nelayan-nelayan (4) perisik-perisik ()
- 5 Mahmud Jin turut dihukum penjara kerana dia sama-sama terlibat dengan kumpulan pengganas yang meletupkan bom di hotel itu.
 (1) berbelot (2) berkumpul ()
 (3) bersahabat (4) bersubahat ()
- 6 Tanah di tebing sungai itu akan dihanyutkan air hujan yang mengalir deras setiap kali berlakunya hujan lebat.
 (1) dicatu (2) dihakis ()
 (3) dilarai (4) dipisah ()
- 7 Encik Ranjit Singh telah dilantik menjadi orang yang menentukan salah benar seseorang dalam perbicaraan di mahkamah.
 (1) hakim (2) peguam ()
 (3) saksi (4) wira ()

- 8 Rakyat dinasihati berhati-hati terhadap penyakit yang mudah berjangkit itu.
 (1) membasmi (2) menular
 (3) menyiksa (4) merbahaya ()
- 9 Ibu bapa kami bertindak dengan pelbagai cara untuk menampung perbelanjaan persekolahan adik-beradik kami yang ramai itu.
 (1) berdoa (2) berharap
 (3) berikhtiar (4) berlakon ()
- 10 Kami disuruh melakukan sesuatu untuk mengetahui sama ada rekaan kami itu dapat digunakan dengan sempurna.
 (1) membanding (2) mencuba
 (3) mengarang (4) menyukat ()
- 11 Setelah jatuh di tepi jalan itu, Encik Tan tidak sedarkan diri dan jantungnya berdegup dengan perlahan.
 (1) lena (2) mabuk
 (3) pening (4) pengsan ()
- 12 Ayah tidur dengan tidak sedarkan apa-apa kerana terlalu penat bekerja sepanjang malam tadi.
 (1) asyik (2) dengkur
 (3) lenyak (4) selesa ()
- 13 Walaupun sudah direbus selama sejam, daging itu masih susah dikunyah.
 (1) beku (2) garing
 (3) liat (4) rapuh ()
- 14 CikYati yang cacat itu tidak pernah berasa kecewa walaupun dipandang rendah oleh jiran-jirannya.
 (1) difitnah (2) difitnah
 (3) dihasut (4) dihina ()
- 15 Pasangan mempelai itu diarak untuk upacara duduk berpasang di pelamin di dalam dewan.
 (1) bersanding (2) bersendeng
 (3) bertandang (4) bertanding ()

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 2

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Semasa cuti sekolah, abang saya bekerja sambilan di tempat untuk membaiki kenderaan yang rosak kepunyaan Pak Ngah saya.
 (1) bangsal (2) bengkel
 (3) depot (4) panggung ()
- 2 Saya tidur dengan menggunakan jejaring untuk menghalang nyamuk masuk semasa menginap di rumah datuk saya di kampung.
 (1) cadar (2) gebar
 (3) kelambu (4) selimut ()
- 3 Ahmad tertekan-tekan perutnya kerana sesak di dalam perut setelah ditumbuk oleh kawannya.
 (1) kejang (2) loya
 (3) sebu (4) senak ()
- 4 Ayah dan ibu saya memerlukan tiga ribu dolar sebagai wang yang diperlukan bagi memulakan perniagaan untuk membuka gerai makanannya.
 (1) ansuran (2) cengkeram
 (3) modal (4) pampasan ()
- 5 Orang yang membela pesalah-pesalah di mahkamah itu berbangsa Serani.
 (1) hakim (2) peguam
 (3) peragut (4) saksi ()
- 6 Ibu saya buang benang yang bersimpul-simpul dan tidak boleh dilarikan itu kerana tidak boleh digunakan lagi.
 (1) belot (2) kendur
 (3) kusut (4) reput ()
- 7 Ayam-ayam Wak Kadir berada di merata tempat di halaman rumahnya.
 (1) berkeliaran (2) berpisahan
 (3) berserakan (4) bertempiran ()
- 8 Saya suka makan masakan yang berkuah dengan ayam atau ikan parang.
 (1) bubur (2) gulai
 (3) jus (4) sirap ()

- 9 Ibu bapa kami sentiasa memohon kepada Tuhan agar kami akan selamat, sihat dan berjaya dalam persekolahan kami.
 (1) berdoa (2) berharap
 (3) bermohon (4) bersolat ()
- 10 Kelakuan Liyana yang tidak seperti biasa membuat ibu bapanya bimbang.
 (1) cemas (2) ganjil
 (3) muram (4) punah ()
- 11 Jiran-jiran saya telah memulaukan Mak Andak yang suka membuat tuduhan-tuduhan jahat yang tidak benar terhadap orang lain.
 (1) angkara (2) bencana
 (3) dusta (4) fitnah ()
- 12 Ramli tertarik hati dengan kejelitaan gadis yang membuang senyuman kepadanya.
 (1) tergesa (2) terharu
 (3) terpicat (4) terserempak ()
- 13 Mereka tidak suka mencampurinya kerana dia suka memotong percakapan semasa orang lain berbual-bual.
 (1) berborak (2) bersembang
 (3) menindas (4) menyampuk ()
- 14 Ramli dan adik-adiknya sedang mengagihkan harta peninggalan ayah mereka yang berupa sebuah rumah banglo dan wang sebanyak sejuta dolar itu.
 (1) pampasan (2) pusaka
 (3) pusara (4) pustaka ()
- 15 Kami bercakap dengan suara yang perlahan semasa berada di dalam perpustakaan itu.
 (1) berbisik (2) bercerita
 (3) meleteh (4) merisik ()

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 3

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Saya ada dua buah buku khas di mana setem-setem atau gambar-gambar dikumpulkan untuk setem-setem saya.
 (1) album (2) diari
 (3) kamus (4) majalah ()
- 2 Ayah membawa kami sekeluarga ke sebuah tempat di mana buah-buahan ditanam untuk makan durian yang baru gugur.
 (1) bendang (2) dusun
 (3) sawah (4) taman ()
- 3 Kami meluat melihat sikap anak saudagar kaya yang baru dimasukkan ke kelas kami yang suka meninggikan dirinya sendiri itu.
 (1) angkuh (2) becok
 (3) bodoh (4) ungkal ()
- 4 Encik Rajoo kumpul dan memasukkan lembu-lembu dan kambing-kambingnya ke dalam kandang apabila hari hampir malam.
 (1) dinihari (2) gelap
 (3) senja (4) subuh ()
- 5 Ibu saya beli tiga batang buluh yang panjang untuk menjemur pakaian-pakaian di koridor.
 (1) ampaian (2) bendul
 (3) galah (4) tiang ()
- 6 Guru kami selalu memuji Bedah yang sentiasa memberi penuh perhatian kepada pengajaran gurunya semasa dalam kelas.
 (1) angguk (2) khayal
 (3) khusus (4) tekun ()
- 7 Ramlah telah dipilih sebagai pemenang pertama pertandingan bercerita itu dengan sebulat suara oleh para pengadil.
 (1) biduan (2) juara
 (3) ketua (4) seniman ()
- 8 Saya suka makan lada yang dihancurkan bersama belacan hingga lumat semasa makan nasi.
 (1) lauk (2) rojak
 (3) sambal (4) urap ()

- 9 Kami menyampaikan sebuah hadiah sebagai kenang-kenangan untuk Cikgu Hani dalam majlis perpisahan itu.
 (1) anugerah (2) cenderamata
 (3) oleh-oleh (4) pingat ()
- 10 Adunan kek di dalam acuan itu akan dimasukkan ke dalam alat pembakar makanan selama 30 minit.
 (1) dapur (2) ketuhar
 (3) loyang (4) periuk ()
- 11 Ayah saya sudah tidak bekerja lagi semasa umurnya menjangkau 62 tahun.
 (1) bercuti (2) berehat
 (3) bersantai (4) bersara ()
- 12 Abang saya bekerja sambilan pada sebelah malam untuk menanggung keperluan hidup keluarga kami walaupun dia masih menuntut di universiti,
 (1) membantu (2) membelanja
 (3) menyara (4) menyedekah ()
- 13 Mamat Mardan bernasib baik kerana memenangi sebuah kereta Volvo dalam pertandingan golf itu.
 (1) berjaya (2) berkenan
 (3) berpeluang (4) bertuah ()
- 14 Munah menolong ibunya buang sisik dan membersihkan ikan-ikan yang akan dimasak itu.
 (1) memancung (2) memenggal
 (3) menyang (4) menyumbat ()
- 15 Zaidi, seorang lulusan universiti telah mendapat pekerjaan di sebuah jabatan kerajaan sebaik sahaja dia tamat pengajiannya.
 (1) mahasiswa (2) mahasiswi
 (3) pensyarah (4) siswazah ()

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 4

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Ibu saya tersenyum lebar melihat bunga-bunga mawar yang ditanamnya sedang mekar di dalam pasu-pasu itu.
 (1) besar (2) harum ()
 (3) kembang (4) segar ()
- 2 Dua orang budak yang berenang di sungai itu dibawa arus air yang deras dan tidak dapat dicari.
 (1) hanyut (2) karam ()
 (3) rendam (4) tenggelam ()
- 3 Kami terpaksa menggunakan sehelai kain untuk menutupkan tubuh semasa tidur di dalam khemah itu kerana terlalu sejuk.
 (1) bidai (2) cadar ()
 (3) kelambu (4) selimut ()
- 4 Tiga buah bangunan baru didirikan untuk dijadikan tempat tinggal anggota tentera yang menjalani perkhidmatan negara di Kem Jalan Bahar.
 (1) bangsal (2) bengkel ()
 (3) berek (4) khemah ()
- 5 Ramai orang merebut-rebut untuk membeli semua durian di dalam keranjang itu kerana dijual dengan murah.
 (1) melelong (2) memborong ()
 (3) mengangkut (4) mengaup ()
- 6 Bagaimana dipujuk pun, Samsiah tidak mahu mengambil bahagian dalam peraduan menyanyi itu kerana dia pemalu.
 (1) degil (2) enggan ()
 (3) engkar (4) sungut ()
- 7 Jefri terlupa membuat tugas sekolahnya kerana terlalu asyik menonton televisyen hingga jauh malam.
 (1) cuai (2) khayal ()
 (3) leka (4) suka ()
- 8 Sejak masa bujangnya hingga berumah tangga, Encik Karim bertugas sebagai seorang pekerja di kapal.
 (1) kelasi (2) laksamana ()
 (3) nakhoda (4) wira ()

- 9 Beberapa kes perbuatan melanggar undang-undang di estet perumahan saya telah dilaporkan kepada polis pada bulan lepas.
 (1) jenayah (2) saman
 (3) singgung (4) sumbang ()
- 10 Ayah saya terpaksa bekerja lembur kerana gajinya tidak cukup untuk membayar bil-bil air dan elektrik.
 (1) ganjil (2) genap
 (3) kurang (4) sedikit ()
- 11 Kita dapat melihat ramai orang yang meminta sedekah berkumpul di masjid-masjid dalam bulan Ramadhan dan pagi hari raya.
 (1) pelanggan (2) pencopet
 (3) penggari (4) pengemis ()
- 12 Ibu bapanya amat gembira dan bangga melihat Azman menerima surat pengakuan tamat pengajian di universiti daripada canselor universiti itu.
 (1) akuan (2) amanah
 (3) ijazah (4) wasiat ()
- 13 Polis sedang menyiasat tentang kematian seorang penjenayah yang ditahan dalam penjara kerana penggunaan dadah.
 (1) banduan (2) biduan
 (3) peragawan (4) pustakawan ()
- 14 Sebelum ayah saya menghembuskan nafasnya yang terakhir, dia telah membuat permintaan dan pesanan terakhir tentang pembahagian hartanya.
 (1) ikrar (2) janji
 (3) syarat (4) wasiat ()
- 15 Adik saya yang susah bangun tidur itu dipercikkan sedikit air ke mukanya untuk bersahur.
 (1) diijruskan (2) direnjiskan
 (3) disimbahkan (4) disiramkan ()

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 5

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Seorang saintis bumiputra dari Malaysia telah dipilih untuk menjadi pengembara di angkasa lepas.
 (1) angkasawan (2) biduan
 (3) pustakawan (4) wartawan ()
- 2 Pak Leman dan kaum nelayan di kampungnya itu tidak ke laut tetapi membaiki pukat-pukat mereka dalam musim hujan turun berpanjangan.
 (1) bunga (2) gugur
 (3) salji (4) tengkujuh ()
- 3 Rasif tidak berkata-kata sepatah perkataan pun walaupun ditanya berkali-kali oleh ibu dan bapanya.
 (1) membisu (2) memekak
 (3) menafi (4) menuli ()
- 4 Juri sangat minat buku-buku jenis saintifik daripada buku-buku misteri.
 (1) asyiq (2) cenderung
 (3) khayal (4) mahir ()
- 5 Lord Baden Powell adalah orang yang mula-mula usahakan pertubuhan pengakap.
 (1) pengembara (2) peniaga
 (3) perantau (4) perintis ()
- 6 Pengurus pasukan bola sepak itu telah mendapatkan beberapa orang pemain dari luar negeri untuk mewakili pasukannya.
 (1) asing (2) handal
 (3) profesional (4) upahan ()
- 7 Tiada penyelam yang berani mencari bangkai kapal terbang yang tenggelam di bahagian paling bawah Lautan China yang dalam lagi bergelora itu.
 (1) aras (2) dasar
 (3) tahap (4) tingkat ()
- 8 Kami sedang menunggu untuk menyaksikan pertandingan akhir Kejuaraan Piala Dunia yang akan disiarkan secara terus menerus melalui Saluran 5.
 (1) hidup (2) langsung
 (3) lurus (4) serentak ()

- 9 Bulu roma saya berdiri apabila ternampak bentuk sesuatu benda yang kurang jelas di tepi tembok depan lif itu.
 (1) asap (2) bingkai
 (3) lembaga (4) raksasa ()
- 10 Taufik tidak boleh gerakkan anggota-anggotanya dari bahagian pinggang ke bawah akibat kemalangan itu.
 (1) lemah (2) lumpuh
 (3) pejal (4) sengal ()
- 11 Ramlee cekap memainkan peranan sebagai seorang pengemis melarat dalam filem itu.
 (1) beraksi (2) berhibat
 (3) berkhayal (4) berlaku ()
- 12 Makanan yang disediakan di restoran yang baru dibuka itu tiada apa-apa rasa sahaja.
 (1) masam (2) masin
 (3) pahit (4) tawar ()
- 13 Doktor yang merawat adik saya di klinik itu memasukkan ubat ke dalam tubuh dengan menggunakan picagari di lengan adik saya.
 (1) menanam (2) menelan
 (3) menyorok (4) menyuntik ()
- 14 Pengakap-pengakap itu mendirikan sebuah khemah sementara di pinggir kawasan yang ditumbuhi pokok-pokok liar dengan terbiar untuk bermalam.
 (1) gurun (2) hutan
 (3) lembah (4) taman ()
- 15 Kami disuruh selesaikan beberapa kertas kerja untuk menentukan sama ada kami faham akan pemahaman kami.
 (1) menawar (2) mencabar
 (3) mendera (4) menguji ()

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 6

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Sebuah bangunan untuk menayangkan wayang gambar musnah akibat dibom oleh pengganas-pengganas.
 (1) biara (2) muzium
 (3) pawagam (4) perpustakaan ()
- 2 Saya suka makan ikan pari yang dimasak dengan memasukkannya ke dalam minyak panas di kuai hingga garing.
 (1) digoreng (2) dijerang
 (3) dipanggang (4) ditanak ()
- 3 Keseluruhan bahagian tubuh mangsa yang terperangkap di dalam kereta yang remuk itu berlumuran darah setelah dia dikeluarkan.
 (1) anggota (2) badan
 (3) sifat (4) urat ()
- 4 Adik saya yang masih bayi itu sudah pandai mengerakkan kepalanya ke atas dan ke bawah berkali-kali apabila ditanya oleh ibu saya.
 (1) membongkok (2) mengangguk
 (3) menoleh (4) menunduk ()
- 5 Pekerja-pekerja pembinaan itu bersepakat tidak mahu membuat kerja kerana tidak dibayar gaji selama dua bulan.
 (1) bersara (2) malas
 (3) menganggur (4) mogok ()
- 6 Saya mesti bayar wang pendahuluan untuk menempah telefon bimbit yang baru dipasarkan itu.
 (1) ansuran (2) cengkeram
 (3) cukai (4) tunai ()
- 7 Saya bantu ayah saya mendirikan tempat berteduh sementara dengan menggunakan kanvas di Pantai Changi semasa berkelah di situ.
 (1) bengkel (2) khemah
 (3) pentas (4) pondok ()
- 8 Sudah dua minggu Puan Salmah berasa muram dan hiba kerana kematian suaminya selama lima puluh tahun itu.
 (1) bosan (2) kecewa
 (3) rindu (4) sedih ()

- 9 Saya dapati ayah saya benar-benar memberi sepenuh perhatian semasa bersolat.
 (1) asyik (2) khayal
 (3) khusyuk (4) seronok ()
- 10 Bani dimarahi Cikgu Mazlan kerana suka menyampuk perbualan semasa kawan sedarjahnya sedang memberi penerangan.
 (1) membantah (2) membidas
 (3) mencelah (4) menegur ()
- 11 Beribu-ribu ekor ikan dan hidupan laut yang mati kerana pencemaran minyak telah terhempas ke pantai disebabkan ombak-ombak besar.
 (1) terbiar (2) terdampar
 (3) terkapar (4) terlontar ()
- 12 Puan Juriah menangis sambil berkata-kata semasa menatap mayat suaminya yang tertutup dengan kain batik itu.
 (1) melalak (2) mengerang
 (3) meratap (4) merepek ()
- 13 Saya dinasihati memakai cermin mata kerana disahkan kurang jelas penglihatan.
 (1) buta (2) juling
 (3) rabun (4) sepet ()
- 14 Beberapa buah kampung di kawasan rendah di Pantai Ttimur Malaysia itu telah dibanjiri air kerana hujan lebat.
 (1) hanyut (2) tenggelam
 (3) tumpas (4) wabak ()
- 15 Orang tua yang tinggal di pondok setingan di tepi rel kereta api itu telah di tempatkan di sebuah rumah kebajikan untuk orang-orang tua.
 (1) Pembersih (2) Pembina
 (3) Pengetua (4) Penghuni ()

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 7

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Sejak kecil saya sudah diingatkan membasuh kaki sebelum tidur supaya tidak berkata-kata semasa tidur.
 (1) berbicara (2) berdengkur
 (3) bersungut (4) mengigau ()
- 2 Mangkuk kaca yang terjatuh ke lantai itu pecah menjadi serpihan-serpihan kecil lalu bertaburan di lantai.
 (1) berkecai (2) hangit
 (3) retak (4) terbelah ()
- 3 Pambantu rumah itu memercikkan air rata-rata pada pakaian-pakaian yang akan digosok itu.
 (1) merendam (2) merenjis
 (3) menyimbah (4) menyiram ()
- 4 Ibu mengadun tepung, gula, mentega dan telur itu sehingga menjadi satu untuk membuat kuih.
 (1) sebatl (2) sempurna
 (3) sesuai (4) sewarna ()
- 5 Puan Rokiah menggunakan kata-kata yang manis supaya anak kecilnya itu berhenti menangis
 (1) meminta (2) memujuk
 (3) mengajak (4) menyuruh ()
- 6 Tukang kayu itu menggunakan alat untuk melicinkan permukaan papan pada papan-papan itu sebelum membuat daun pintu rumah kampung itu.
 (1) jangka (2) ketam
 (3) tangguk (4) tukul ()
- 7 Sebelum gigi saya dicabut, doktor gigi telah menyuntik gusi saya dengan ubat menyebabkan tidak rasa apa-apa.
 (1) batuk (2) istimewa
 (3) lali (4) sempurna ()
- 8 Razak memusingkan kepalanya untuk melihat ke kanan apabila mendengar namanya dipanggil orang.
 (1) mengangguk (2) menghina
 (3) menoleh (4) menunduk ()

- 9 Pada suatu masa dahulu, ada seorang pemerintah yang tidak mempunyai belas kasihan telah membunuh berjuta-juta orang Yahudi di Eropah.
 (1) gagah (2) ganas
 (3) handal (4) kejam ()
- 10 Buah-buah mangga itu akan lekas masak jika disimpan di dalam beras untuk beberapa hari.
 (1) dibungkus (2) dicanai
 (3) diperam (4) diselit ()
- 11 Untuk mendapatkan santannya, kelapa parut itu mesti dicampur air kemudian diramas dan digenggam kuat dengan mengepalkan tangan.
 (1) diadun (2) diperah
 (3) ditapis (4) diuli ()
- 12 Walaupun wang yang didapati untuk membuat kerjanya kecil, keluarga Pak Mali cukup makan kerana mereka cermat dan tidak membazir.
 (1) gaji (2) hantaran
 (3) pampasan (4) tebusan ()
- 13 Saya menghilangkan penat selama sepuluh minit setelah berlari lima pusingan mengelilingi balapan di stadium itu.
 (1) berehat (2) berlunjur
 (3) bersandar (4) bersendir ()
- 14 Kami dinasihati untuk menggunakan buku yang mengandungi erti perkataan-perkataan jika tidak faham sesuatu perkataan yang susah.
 (1) artikel (2) kamus
 (3) majalah (4) makalah ()
- 15 Walaupun anaknya berada jauh di England, Puan Esah selalu berbual dengannya menggunakan alat perhubungan dengan bercakap.
 (1) mikrofon (2) telefon
 (3) telegram (4) transistor ()

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 8

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Ayah dan ibu saya suka makan nasi bersama daun-daun mentah dengan sambal belacan.
 (1) lauk (2) rojak
 (3) ulam (4) urap ()
- 2 Nurul mencapai keputusan yang sangat baik dalam Peperiksaan Akhir Tahun kerana usaha dan ketekunannya sepanjang tahun.
 (1) bagus (2) cemerlang
 (3) lumayan (4) memuaskan ()
- 3 Leftenan Adnan dan beberapa orang askar dengan ikhlas dan sanggup mati demi mempertahankan kebebasan tanah air mereka.
 (1) dapat (2) mahu
 (3) rela (4) suka ()
- 4 Saya berasa syak dan sangsi apabila dua orang pemuda mengekori saya sejak saya keluar daripada bank tadi.
 (1) curiga (2) gelisah
 (3) gementar (4) takut ()
- 5 Jangan biarkan air longkang bertakung untuk beberapa hari kerana nyamuk boleh bertambah dengan banyak.
 (1) membiak (2) menetas
 (3) menjangkit (4) merebak ()
- 6 Datuk saya gunakan galah untuk menjatuhkan rambutan dari pokok-pokok di kebunnya untuk diberikan kepada saya.
 (1) memukul (2) mencucuk
 (3) menjolok (4) merodok ()
- 7 Ramai penonton di stadium itu berlari dengan tidak tentu arah kerana penyokong-penyokong kedua-dua pasukan yang bertanding itu mula bergaduh.
 (1) berbarisan (2) berkeliaran
 (3) berserakan (4) bertempiran ()
- 8 Pekebun itu gunakan cangkul untuk menjadikan tidak keras tanah sebelum menanam sayur-sayurannya.
 (1) melembikkan (2) menggemburkan
 (3) menghaluskan (4) menyuburkan ()

- 9 Penjual roti itu membawa dengan diletakkan di atas kepala sebuah bakul besar berisi roti-rotinya mengelilingi kampung.
(1) memikul (2) menatang
(3) mengepit (4) menjunjung ()
- 10 Abang saya rajin menggosok hingga kilat but askarnya sebelum pergi bertugas di kemnya.
(1) memberus (2) mengelap
(3) mengesat (4) menggilap ()
- 11 Setiap orang perlu menggunakan daya fikiran mereka sebelum melakukan sesuatu pekerjaan.
(1) akal (2) kepala
(3) mata (4) pendapat ()
- 12 Ikan di dalam kualiti itu berbau seperti sudah hangus kerana ditinggalkan tanpa perhatian semasa digoreng.
(1) basi (2) hangit
(3) hanyir (4) tengik ()
- 13 Ibu menyuruh saya keluarkan daging yang sudah keras di dalam peti sejuk kerana hendak dimasak kari.
(1) beku (2) kaku
(3) kejang (4) tegang ()
- 14 Ubi kayu yang direbus hingga lembut dan mudah dikunyah sedap dimakan bersama ikan kering goreng.
(1) empuk (2) lemau
(3) lembik (4) rapuh ()
- 15 Bilik-bilik darjah di sekolah yang baru dibina itu tidak sempit, tidak seperti di bangunan lama.
(1) besar (2) lebar
(3) longgar (4) luas ()

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 9

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Seorang pencuri yang menyeluk saku orang lain di dalam gerabak kereta api MRT itu telah ditahan dan diserahkan kepada polis.
 (1) pencopet (2) penculik
 (3) peragut (4) perompak ()
- 2 Ketua kumpulan gelap memerintah orang-orang yang dengar dan jalankan arahnya supaya bersedia untuk satu pergaduhan.
 (1) penganut (2) pengedar
 (3) pengemis (4) pengikut ()
- 3 Kami sedarjah sungguh tertarik dengan artifak-artifak di tempat di mana barang-barang purba dipamerkan yang baru dibuka itu.
 (1) dewan (2) makmal
 (3) muzium (4) pawagam ()
- 4 Hashim, bekas seorang yang ditahan di dalam penjara dibantu oleh sebuah kumpulan kebajikan untuk mendapatkan pekerjaan setelah dibebaskan.
 (1) banduan (2) peguam
 (3) penganas (4) penjahat ()
- 5 Setiap orang mesti bekerja keras untuk mendapatkan wang yang diperlukan untuk kehidupan bagi menampung keluarga mereka.
 (1) cengkeram (2) nafkah
 (3) pampasan (4) untung ()
- 6 Encik Juri dan isterinya bercerai kerana tidak tahan dengan hasutan ibu kepada isterinya.
 (1) ipar (2) menantu
 (3) mertua (4) sepupu ()
- 7 Datuk saya dibawa ke klinik mata untuk diperiksa oleh doktor mata kerana penglihatannya sudah tidak terang.
 (1) gelap (2) kabur
 (3) pucat (4) sayup ()
- 8 Budak kecil itu terpaksa berdiri dengan hujung jari kakinya berjejak ke lantai untuk mengambil buku di para-para yang tinggi itu.
 (1) berjinjit (2) berlonjak
 (3) berlutut (4) bertumit ()

- 9 Ibu menekan-nekan hingga lumat pisang-pisang itu dengan menggunakan senduk untuk dibuat jemput-jemput.
 (1) melenyek (2) mengadun
 (3) menggaul (4) menguli ()
- 10 Jiran-jirannya tidak suka bergaul dengan Mak Bondah yang suka membuat orang sakit hati dengan kata-kata supaya terjadi pergaduhan.
 (1) mencaci (2) menghasut
 (3) mengkhianat (4) menyumpah ()
- 11 Rahim terlalu asyik menumpukan perhatiannya berbual di telefon sehingga tidak mendengar panggilan ibunya beberapa kali.
 (1) khayal (2) khusus
 (3) lazim (4) tekun ()
- 12 Kami sekeluarga menyampaikan rasa sedih dan simpati kepada Encik Nordin kerana kematian ibunya.
 (1) insaf (2) kesal
 (3) punah (4) takziah ()
- 13 Kanak-kanak di bawah 12 tahun dibenarkan menyaksikan perlawanan bola sepak itu dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran.
 (1) bebas (2) istimewa
 (3) percuma (4) sedikit ()
- 14 Seorang menteri kanan telah menyampaikan hadiah untuk mengenang jasanya kepada Zamri kerana membantu polis menangkap seorang pengganas.
 (1) anugerah (2) biasiswa
 (3) pampasan (4) pujian ()
- 15 Saya akan teruskan pendidikan saya di maktab rendah setelah sepuluh tahun belajar di sekolah rendah dan menengah.
 (1) seabad (2) sedekad
 (3) sejarah (4) sekurun ()

MENGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 10

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Seorang penduduk tetap di Singapura telah ditangkap kerana membawa masuk secara haram rokok-rokok semasa pulang dari Indonesia.
 (1) menghisap (2) menyembunyi
 (3) menyeludup (4) menyorok ()
- 2 Kami selalu diingatkan agar menjaga tingkah laku serta tutur kata yang halus semasa berbual dengan orang-orang yang lebih tua.
 (1) adab (2) adat
 (3) budaya (4) tabiat ()
- 3 Semasa berada di kampung, saya suka pergi bermain di tempat pokok-pokok padi ditanam datuk saya.
 (1) dusun (2) padang
 (3) pekan (4) sawah ()
- 4 Samsul, seorang pengawal keselamatan di Pulau Jurong telah dibuang kerja kerana didapati tidur semasa bertugas.
 (1) didakwa (2) dihukum
 (3) dipecat (4) diusir ()
- 5 Ayah saya seorang kerani di tempat segala urusan dijalankan di sebuah kementerian pemerintah.
 (1) mahkamah (2) parlimen
 (3) pejabat (4) penjara ()
- 6 Sekumpulan lima orang telah ditangkap kerana cuba merompak sebuah tempat menyimpan barang-barang untuk dagangan di Pelabuhan Singapura.
 (1) bengkel (2) gudang
 (3) kilang (4) pusat ()
- 7 Mak Eton tidak tidur sepanjang malam kerana menjaga anaknya yang sedang sakit.
 (1) berbaring (2) berjaga
 (3) mengantuk (4) mengawal ()
- 8 Pendaki-pendaki itu tidak berjaya sampai ke bahagian yang paling tinggi gunung itu kerana tiupan angin yang terlalu kencang.
 (1) kaki (2) lembah
 (3) lereng (4) puncak ()

- 9 Mereka duduk berbual-bual sambil berehat setelah penat bekerja sepanjang hari.
 (1) berbincang (2) berhimpun
 (3) bermesra (4) bersantai ()
- 10 Pondok kayu yang didirikan dua puluh tahun dahulu itu masih kuat dan teguh dan masih boleh didiami lagi.
 (1) gagah (2) handal
 (3) kukuh (4) tegak ()
- 11 Kedatangan dua orang pegawai polis itu membuat penjudi-penjudi di kolong blok itu lari dengan tidak tentu arah untuk menyelamatkan diri.
 (1) bergelutan (2) berselindungan
 (3) bersembunyan (4) bertempiran ()
- 12 Encik Bahar adalah seorang yang sangat-sangat boleh dipercayai dan bertanggungjawab.
 (1) amanah (2) amaran
 (3) ancaman (4) anggaran ()
- 13 Guru kami akan bawa kami sedarjah melawat-lawat sambil belajar ke beberapa tempat yang bersejarah di Singapura.
 (1) berdarmawisata (2) berdebat
 (3) berganding (4) berkongsi ()
- 14 Sultan Mahmud duduk di tempat duduk rajanya sambil menyaksikan pertandingan silat dua orang pahlawannya.
 (1) pelamin (2) pentas
 (3) serambi (4) takhta ()
- 15 Setelah dua minggu hanyut di lautan itu, anak-anak kapal itu ternampak sebuah daratan yang dikelilingi air.
 (1) bukit (2) gurun
 (3) pulau (4) tasik ()